

Kualiti Perkahwinan, Keutuhan Keluarga dan Pencapaian Anak di Sarawak

Marital Quality, Family Strength and Child Achievement in Sarawak

Open
Access

Zarinah Arshat^{1,*}, Cecelia Anak Pana¹

¹ Department of Human Development and Family Studies, Faculty of Human Ecology, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Selangor, Malaysia

ARTICLE INFO

Article history:

Received 1 April 2018

Received in revised form 31 May 2018

Accepted 4 June 2018

Available online 12 June 2018

ABSTRACT

Kajian ini bertujuan untuk menentukan perkaitan antara kualiti perkahwinan dan keutuhan keluarga dengan pencapaian anak di Sarawak. Seramai 127 orang ibu yang mempunyai anak berusia tujuh hingga sembilan tahun telah dipilih melalui teknik pensampelan berkelompok. Kualiti perkahwinan telah diukur dengan menggunakan *Kansas Marital Satisfaction Scale* dan keutuhan keluarga dinilai dengan menggunakan *Australian Inventory of Family Strength*. Kompetensi sosial dan estim diri anak telah diukur menggunakan *Social Competence Scale* dan *Rosenberg Self-Esteem Scale*. Hasil kajian menunjukkan kebanyakan responden mempunyai kualiti perkahwinan dan keutuhan keluarga yang sederhana. Kebanyakan responden juga mempersepsikan bahawa anak mereka mempunyai tahap kompetensi sosial dan estim diri yang sederhana. Analisis data menunjukkan bahawa anak yang mempunyai tahap kompetensi sosial yang tinggi mempunyai ibu bapa yang bahagia dalam perkahwinan mereka. Hasil kajian memberi implikasi bahawa kualiti perkahwinan mempengaruhi kompetensi sosial anak.

The study aims to determine the relationship between marital quality and family strength with achievement of children in Sarawak. A total of 127 mothers with children aged seven to nine years old were selected through cluster sampling technique. The marital quality was measured using the Kansas Marital Satisfaction Scale and family strength was assessed using the Australian Inventory of Family Strength. Child's social competency and self-esteem were measured using the Social Competence Scale and Rosenberg Self-Esteem Scale. The findings show that most of the respondents have moderate quality of marital quality and family strength. Most of the respondents also perceived that their children have a moderate level of social competence and self-esteem. Data analysis showed that children with high level of social competence have a happy parent in their marriage. The outcome of the study implies that the quality of marriage affects the child's social competence.

Keywords:

Kualiti perkahwinan, keutuhan keluarga, kompetensi sosial, estim diri
Marital quality, family strength, social competency, self-esteem

Copyright © 2018 PENERBIT AKADEMIA BARU - All rights reserved

* Corresponding author.

E-mail address: zarinah_upm@upm.edu.my (Zarinah Arshat)

1. Pengenalan

Pencapaian anak banyak dipengaruhi oleh persekitaran keluarga [1,2,13,23,27,29]. Kajian ini memfokuskan pencapaian anak dari aspek kompetensi sosial dan estim diri. Secara konseptualnya, kompetensi sosial merujuk kepada gabungan keupayaan sosial dan keramahan seseorang kanak-kanak untuk membina hubungan dengan orang dewasa dan kanak-kanak yang lain bagi menyesuaikan diri dengan persekitaran [11, 16]. Perkembangan kompetensi sosial yang positif terutama dalam kalangan kanak-kanak membolehkan mereka mengatasi dan menyelesaikan masalah penyesuaian [8]. Kompetensi sosial juga boleh menjadi faktor penyumbang yang penting kepada kesejahteraan dalam pelbagai aspek kehidupan khususnya pada peringkat awal dewasa seperti kerjaya dan dalam membentuk perhubungan yang intim [23]. Estim diri pula merujuk kepada satu set sikap dan kepercayaan yang dibawa oleh seseorang [4]. Individu yang mempunyai estim diri yang tinggi kebiasaannya mempunyai tahap keyakinan diri yang tinggi, tidak berasa malu untuk bergaul dengan orang lain dan juga mampu untuk mempengaruhi orang lain.

Tinjauan literatur menunjukkan bahawa kualiti perkahwinan ibu bapa [1,12, 23] dan kekuatan keluarga [29, 13, 2] boleh mempengaruhi kompetensi sosial dan estim diri anak. Kualiti perkahwinan merupakan satu konsep yang dinamik, kerana kualiti hubungan antara individu boleh berubah dari masa ke masa [14]. Menurut Glenn [10], terdapat dua pendekatan yang utama untuk mengukur kualiti hubungan iaitu dengan melihat perasaan individu terhadap seseorang di dalam sesuatu perhubungan dan melihat kepada perhubungan itu sendiri. Ibu bapa yang mempunyai tahap kualiti perkahwinan yang tinggi mampu meningkatkan kefungsiannya sesebuah keluarga dan pencapaian anak [7]. Kajian lepas menunjukkan bahawa konflik perkahwinan yang tinggi antara ibu bapa akan menyebabkan anak mempunyai masalah tingkah laku dan sukar membuat penyesuaian [5].

Keutuhan keluarga telah didefinisikan oleh Moore dan rakan-rakan [17] sebagai satu set perhubungan dan proses dalam menyokong serta melindungi ahli keluarga. Sokongan dan perlindungan yang diberikan sewaktu ahli keluarga menghadapi masalah atau terlibat dengan bencana dan mengalami perubahan dalam kehidupan dapat mengekalkan kesepaduan keluarga dan juga menggalakkan perkembangan serta kesejahteraan setiap ahli keluarga. Berdasarkan kepada tinjauan literatur, sesebuah keluarga yang utuh memiliki ciri yang sama tanpa mengira lokasi, bangsa, agama dan budaya seperti berkomunikasi secara efektif antara satu sama lain, penyatuan secara kerohanian untuk kesejahteraan, perkongsian hidup bersama, mengambil berat antara satu sama lain, saling memberikan penilaian dan bersama mengharungi cabaran [9, 18, 26]. Pengkaji terdahulu mendapati proses keluarga atau cara keluarga berkomunikasi, pengagihan peranan dan tanggungjawab adalah amat penting dalam proses perkembangan anak dan mempunyai perkaitan yang signifikan dengan peningkatan kompetensi sosial dan estim diri serta mengurangkan masalah tingkah laku anak [25,19, 28, 13, 29]. Secara khususnya, kajian ini bertujuan untuk mencari jawapan kepada persoalan yang berikut:

1. Apakah tahap kualiti perkahwinan, keutuhan keluarga dan pencapaian anak (kompetensi sosial dan estim diri)?
2. Adakah terdapat perkaitan antara kualiti perkahwinan dan kekuatan keluarga dengan pencapaian anak (kompetensi sosial dan estim diri)?

2. Metodologi Kajian

2.1 Sampel

Sampel kajian ini terdiri daripada 127 orang ibu yang mempunyai anak yang berusia antara tujuh hingga sembilan tahun. Responden telah dikenalpasti melalui anak mereka yang bersekolah di

sekolah rendah berdekatan kawasan kediaman mereka. Kaedah pensampelan yang digunakan adalah teknik pensampelan berkelompok di mana pengkaji memilih sampel berdasarkan pada kawasan tempat tinggal responden. Kajian ini telah dijalankan disekitar bandaraya Miri, Sarawak iaitu Lutong, Bandar Baru Permai Jaya, Pujut, Senadin, Lamir dan Bekenu.

2.2 Pengumpulan Data

Data dalam kajian ini telah dikumpul dengan menggunakan borang soal selidik berstruktur yang diisi sendiri oleh responden. Sebelum responden menjawab borang soal selidik tersebut, penyelidik terlebih dahulu memberikan penerangan tentang tujuan kajian dan soalan yang terdapat dalam borang soal selidik. Ini adalah untuk memastikan bahawa setiap responden dapat memahami dan menjawab soalan tersebut dengan tepat. Pengumpulan data telah dilakukan secara berperingkat mengikut kawasan kajian dan tempoh pengumpulan data adalah bergantung kepada kawasan kajian.

2.3 Pengukuran Pembolehubah Kajian

Kualiti perkahwinan

Instrumen yang digunakan untuk mengukur kualiti perkahwinan adalah *Kansas Marital Satisfaction Scale* (KMSS) yang telah diadaptasi oleh Rumaya [21] dari Schumm *et al.*, [21]. Instrumen ini mengandungi empat item iaitu kepuasan terhadap perkahwinan, kepuasan terhadap pasangan, kepuasan dalam hubungan suami isteri dan kepuasan dalam luahan kasih sayang dalam perkahwinan. Kesemua item telah dinilai oleh responden berdasarkan skala *Likert* tujuh mata iaitu daripada (1) sangat-sangat tidak puas hati hingga (7) sangat-sangat puas hati. Semakin tinggi skor yang diperoleh responden, maka semakin tinggi kualiti perkahwinan mereka. Nilai koefisien *alpha* bagi KMSS yang telah diubahsuai oleh Rumaya [21] adalah antara 0.93 hingga 0.95 manakala nilai koefisien *alpha* bagi KMSS dalam kajian Zarinah dan Rozumah [30] yang melibatkan responden Melayu yang berkahwin adalah 0.95. Nilai koefisien *alpha* bagi skala KMSS dalam kajian ini adalah 0.93.

Keutuhan Keluarga

Keutuhan keluarga telah dinilai dengan menggunakan *Australian Inventory of Family Strengths* (AIFS) [9] yang telah diubahsuai oleh Zarinah dan Rozumah [30] mengikut kesesuaian budaya Malaysia. Skala ini mengandungi 75 item berdasarkan skala *Likert* enam mata iaitu daripada (1) sangat bersetuju hingga (6) sangat tidak bersetuju. Contoh item adalah seperti berikut; 'Dalam keluarga kami, kami boleh bekerja bersama untuk menyelesaikan masalah keluarga yang sangat sukar' dan 'Dalam keluarga kami, kami menghargai antara satu sama lain'. Semua kenyataan telah dikod semula iaitu 1=6, 2=5, 3=4, 4=3, 5=2 dan 6=1. Semakin tinggi skor menunjukkan semakin tinggi tahap keutuhan keluarga. Nilai koefisien *alpha* bagi AIFS dalam kajian ini ialah 0.97 iaitu berada pada tahap yang tinggi.

Kompetensi Sosial Anak

Kompetensi sosial anak telah dinilai dengan menggunakan *Social Competence Scale* (SCS) [3]. Instrumen ini mengandungi 12 item berdasarkan skala *Likert* empat mata iaitu daripada (0) tidak pernah hingga (4) sangat selalu. Semakin tinggi skor menunjukkan semakin tinggi tahap kompetensi sosial. Contoh item bagi skala ini adalah; 'Menerima sesuatu tidak mengikut kehendaknya', 'Berupaya mengendalikan kegagalan dengan baik' dan 'Berfikir sebelum bertindak'. Nilai koefisien *alpha* bagi SCS berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Dennis dan rakan-rakan [5] adalah 0.87 manakala hasil

kajian Zarinah dan rakan-rakan [29] pula mencatatkan nilai koefisien *alpha* sebanyak 0.80. Walau bagaimanapun, nilai koefisien *alpha* bagi SCS dalam kajian ini berada pada tahap yang sederhana iaitu sebanyak 0.74.

Estim Diri

Rosenberg Sel-Esteem Scale (RSES) [20] telah digunakan untuk mengukur estim diri anak berdasarkan perspektif responden. Instrumen ini mengandungi 10 item (5 item positif dan 5 item negatif) berdasarkan skala *Likert* 4 pilihan iaitu daripada (1) sangat tidak setuju hingga (4) sangat setuju. Bagi setiap pernyataan yang negatif, item tersebut telah dikod semula iaitu 1=4, 2=3, 3=2, 4=1. Jumlah skor minimum adalah 10 dan skor maksimum adalah 40. Semakin tinggi skor yang diperoleh maka semakin tinggi tahap estim diri anak responden. Antara contoh soalan dalam item ini adalah 'Secara keseluruhannya, anak saya berpuas hati dengan dirinya', 'Adakalanya, anak saya fikir dia tidak berguna langsung' dan 'Anak saya berasa dia mempunyai beberapa kualiti yang baik'. Nilai koefisien *alpha* bagi RSES dalam kajian ini adalah 0.69 iaitu berada tahap yang sederhana.

3. Hasil Kajian

3.1 Latar Belakang Responden

Jadual 1 menunjukkan bahawa kebanyakan (52.8%) responden berkahwin pada usia yang agak muda iaitu di dalam lingkungan 16 hingga 20 tahun. Hanya 2.4 peratus sahaja responden yang berkahwin lewat pada usia 26 hingga 30 tahun. Golongan ini berkahwin pada umur yang lewat disebabkan oleh beberapa faktor seperti melanjutkan pelajaran, tumpuan kepada kerjaya atau disebabkan berkahwin semula selepas bercerai dengan suami pertama mereka. Responden yang berkahwin pada umur 15 tahun dan ke bawah adalah sebanyak 11.0 peratus. Manakala sebanyak 33.8 peratus berkahwin pada usia 21 hingga 25 tahun. Dari segi tempoh perkahwinan, hampir separuh (44.8%) responden berkahwin kurang daripada sepuluh tahun. Ini mungkin disebabkan oleh faktor pemilihan responden yang hanya terhad kepada responden yang mempunyai anak yang berusia tujuh hingga sembilan tahun sahaja. Maka, tidak hairanlah jumlah tempoh perkahwinan responden adalah kurang daripada sepuluh tahun. Hasil kajian menunjukkan hanya 18.8 peratus responden mempunyai tempoh perkahwinan melebihi 20 tahun dan ke atas. Secara purata, tempoh perkahwinan responden adalah selama 13.65 tahun ($SP=5.54$).

Seperti yang dipaparkan dalam Jadual 1, lebih daripada separuh (66.9%) responden mempunyai bilangan anak di dalam lingkungan lima orang dan ke bawah (purata=4.03, $SP=2.41$). Berdasarkan dapatan tersebut, dapat disimpulkan bahawa keluarga di Bandar Miri cenderung untuk memiliki bilangan anak yang tidak ramai. Ini berkemungkinan disebabkan oleh faktor kerjaya atau trend keluarga masa kini yang cenderung untuk memiliki bilangan anak yang sedikit. Secara purata, bilangan isi rumah responden adalah seramai 5.65 orang ($SP= 2.11$).

Hasil kajian menunjukkan hanya 19.7 peratus responden sahaja yang mempunyai pembantu rumah dan selebihnya tidak mempunyai pembantu rumah. Ini membuktikan responden lebih senang untuk melakukan dan melaksanakan sendiri tanggungjawab di rumah daripada mengambil pembantu rumah. Responden yang mempunyai pembantu rumah adalah responden yang bekerja dan mereka mengupah pembantu rumah untuk membantu menguruskan rumah dan menjaga anak semasa mereka keluar bekerja.

Jadual 1
Analisis Statistik Deskriptif bagi Demografik Responden (N=127)

Pembolehubah	n	(%)	Purata	SP	Min.	Mak.
<i>Umur Berkahwin</i>			19.40	3.27	14	28
15 tahun ke bawah	14	(11.0)				
16 – 20 tahun	67	(52.8)				
21 – 25 tahun	43	(33.8)				
26 – 30 tahun	3	(2.4)				
<i>Tempoh Berkahwin</i>			13.65	5.54	8	32
10 tahun ke bawah	7	(44.9)				
11 – 19 tahun	46	(36.2)				
20 tahun ke atas	24	(18.9)				
<i>Bilangan Anak</i>			4.03	2.41	1	11
5 orang ke bawah	85	(66.9)				
6 – 9 orang	40	(31.5)				
Lebih 10 orang	2	(1.6)				
<i>Bilangan Isi Rumah</i>			5.65	2.11	3	12
1 – 5 orang	70	(55.1)				
6 – 9 orang	51	(40.2)				
Lebih 10 orang	6	(4.7)				
<i>Pembantu Rumah</i>						
Ada	25	(19.7)				
Tiada	102	(80.3)				
<i>Taraf Pendidikan</i>						
Tidak bersekolah	5	(4.0)				
UPSR	30	(23.6)				
SRP/PMR	13	(10.2)				
SPM	42	(33.1)				
STPM/HSC	18	(14.2)				
Sijil	4	(3.1)				
Diploma	9	(7.1)				
Sarjana	4	(3.1)				
Ph.D	2	(1.6)				
<i>Pekerjaan</i>	45	(35.4)				
Bekerja	82	(64.6)				
Tidak Bekerja						
<i>Pendapatan Bulanan Keluarga</i>			RM3263	RM3257	RM450	RM30000
≤ RM1000	24	(18.9)				
RM1100–RM10000	99	(78.0)				
≥RM11000	4	(3.1)				

Nota: SP=sisihan piawai, Min=minimum, Mak=maksimum, UPSR=Ujian Penilaian Sekolah Rendah, PMR=Penilaian Menengah Rendah, SPM=Sijil Pelajaran Malaysia, STPM=Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia

Majoriti (96%) responden yang terlibat dalam kajian ini pernah bersekolah, manakala selebihnya (4%) tidak pernah bersekolah. Bagi responden yang pernah bersekolah, sebanyak 33.1 peratus mendapat pendidikan sehingga peringkat SPM/SPMV. Hanya segelintir (3.1%) sahaja responden yang mempunyai pendidikan sehingga peringkat sarjana. Sebanyak 23.6 peratus responden dalam kajian ini mempunyai tahap pendidikan pada peringkat sekolah rendah. Hasil kajian mendapati purata jumlah pendapatan bulanan keluarga ialah sebanyak RM3263 (SP=RM3257).

3.2 Kualiti Perkahwinan dan Keutuhan Keluarga

Secara keseluruhannya, didapati responden mempunyai tahap kualiti perkahwinan yang sederhana (53.6%). Walau bagaimanapun, hasil analisis menunjukkan bahawa peratusan responden yang mempunyai tahap kualiti perkahwinan yang rendah (29.1%) adalah lebih tinggi berbanding dengan responden yang mempunyai tahap kualiti perkahwinan yang tinggi (17.3%). Purata skor kualiti perkahwinan yang diperoleh oleh responden adalah 23.24 (SP = 2.85), dengan julat skor dari 17 hingga 28 markah.

Seterusnya, hasil kajian ini mendapati kebanyakan (69.3%) responden mempunyai tahap keutuhan keluarga yang sederhana. Hanya 15.7 peratus responden mempunyai tahap keutuhan keluarga yang tinggi. Purata skor keutuhan keluarga responden adalah 165.57 dengan sisihan piawai 28.19.

3.3 Tahap Kompetensi Sosial dan Estim Diri Anak

Hasil analisis data mendapati kebanyakan (63%) responden mempersepsikan bahawa anak mereka mempunyai tahap kompetensi sosial yang sederhana. Walau bagaimanapun, peratusan responden yang mempersepsikan bahawa anak mereka mempunyai tahap kompetensi sosial yang rendah dan tinggi tidak banyak perbezaan, iaitu masing-masing sebanyak 17.3 peratus dan 19.7 peratus. Purata skor bagi tahap kompetensi anak ialah 29.62 (SP = 4.11) dengan julat skor dari 14 hingga 38 markah.

Jadual 2

Kualiti Perkahwinan, Keutuhan Keluarga, dan Pencapaian Anak (Kompetensi Sosial dan Estim Diri)

Pembolehubah	n (%)	Purata	SP	Min.	Mak.
<i>Kualiti perkahwinan</i>		23.24	2.85	17	28
Rendah (≤ 20)	37(29.1)				
Sederhana (21 – 26)	68(53.6)				
Tinggi (≥ 27)	22(17.3)				
<i>Keutuhan keluarga</i>		165.57	28.19	76	224
Rendah (≤ 136)	19(15.0)				
Sederhana (137 – 193)	88(69.3)				
Tinggi (≥ 194)	20(15.7)				
<i>Kompetensi sosial</i>		29.62	4.11	14	38
Rendah (≤ 25)	22(17.3)				
Sederhana (26 – 33)	80(63.0)				
Tinggi (≥ 34)	25(19.7)				
<i>Estim diri</i>		33.47	2.85	27	38
Rendah (≤ 30)	27(21.3)				
Sederhana (31 – 36)	88(69.3)				
Tinggi (≥ 37)	12(9.4)				

Nota: SP=sisihan piawai, Min=minimum, Mak=maksimum

Jadual 2 menunjukkan anak yang terlibat dalam kajian ini mempunyai tahap estim diri yang sederhana (69.3%). Hanya segelintir sahaja anak fokus yang mempunyai tahap estim diri yang tinggi (9.4%). Purata skor yang diperolehi oleh anak fokus secara keseluruhan ialah 33.47 (SP = 2.85), dengan julat skor dari 27 hingga 38 markah.

3.4 Perkaitan antara Kualiti Perkahwinan dan Keutuhan Keluarga dengan Pencapaian Anak

Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat perkaitan yang positif dan signifikan antara kualiti perkahwinan dengan kompetensi sosial anak ($r = .25, p \leq .01$) (Jadual 3). Ini bermakna kualiti perkahwinan yang tinggi mampu meningkatkan kompetensi sosial anak. Walau bagaimanapun, kajian ini mendapati tidak wujudnya perkaitan yang signifikan antara kualiti perkahwinan dengan estim diri anak ($r = .02, p > .05$). Keutuhan keluarga juga didapati tidak mempunyai perkaitan yang signifikan dengan kompetensi sosial dan estim diri anak di Sarawak.

Jadual 3

Korelasi Matrik Pembolehubah Kajian

Pembolehubah	1	2	3	4
1. Kualiti Perkahwinan	1.00			
2. Keutuhan Keluarga	.32**	1.00		
3. Kompetensi Sosial Anak	.25**	.09	1.00	
4. Estim Diri Anak	.02	.03	.31**	1.00

Nota: ** $p \leq .01$

4. Perbincangan dan Kesimpulan

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk menentukan perkaitan antara kualiti perkahwinan dan keutuhan keluarga dengan pencapaian anak di Sarawak. Seperti yang dijangkakan, kualiti perkahwinan ibu bapa yang tinggi mampu meningkatkan kompetensi sosial anak. Hasil kajian ini adalah konsisten dengan kajian terdahulu yang menunjukkan wujudnya perkaitan yang signifikan antara kualiti perkahwinan dan penyesuaian tingkah laku anak [5, 7]. Berdasarkan hasil kajian, berikut adalah beberapa saranan pengkaji. Kaunselor keluarga boleh memfokuskan kepada peningkatan kualiti perkahwinan bagi meningkatkan kompetensi sosial anak. Sebagai contoh, kaunselor keluarga boleh meningkatkan kualiti perkahwinan dengan meningkatkan kemahiran interpersonal pasangan. Kemahiran interpersonal ini mampu menggalakkan komunikasi yang terbuka dan jelas, empati, dan hubungan yang positif antara ahli keluarga. Selain itu, kaunselor juga perlu menekankan tentang teknik kemahiran mendengar secara berkesan kepada pasangan bagi menggalakkan mereka untuk memberi perhatian dan mengambil berat antara satu sama lain. Kaunselor turut berperanan dalam membantu pasangan untuk menguasai kemahiran menyelesaikan masalah bagi membantu mereka menguruskan pertelingkahan secara lebih efektif. Peningkatan kemahiran komunikasi yang positif dan penyelesaian masalah yang efektif dalam kalangan suami isteri mampu membantu mereka untuk mendidik dan membesarkan anak ke arah yang lebih positif.

Seterusnya, hasil kajian menunjukkan bahawa kualiti perkahwinan dan keutuhan keluarga tidak mempunyai perkaitan yang signifikan dengan estim diri anak. Hasil kajian ini didapati tidak konsisten dengan kajian oleh Zarinah Arshat dan Rozumah Baharudin [29] yang mendapati kekuatan keluarga mempunyai perkaitan positif yang signifikan dengan penghargaan sendiri anak. Kajian ini juga mendapati tidak wujud perkaitan yang signifikan antara keutuhan keluarga dengan kompetensi sosial

anak. Hasil kajian ini tidak seiring dengan kajian yang mendapati anak yang mempunyai kompetensi sosial yang tinggi datang daripada keluarga yang utuh [30].

Sepanjang menjalankan kajian, terdapat beberapa limitasi yang dihadapi oleh penyelidik. Pertama, kajian ini hanya melibatkan ibu yang mempunyai anak yang berusia antara tujuh hingga sembilan tahun yang tinggal di kawasan bandar Sarawak. Oleh yang demikian, generalisasi hasil kajian ini adalah terhad kepada sampel yang dinilai sahaja. Kajian akan datang dicadangkan untuk mempelbagaikan populasi kajian seperti keluarga yang terdiri daripada pelbagai etnik, kelas sosial dan lokasi. Limitasi seterusnya adalah berkaitan dengan penilaian di mana penilaian terhadap kepuasan perkahwinan dan keutuhan keluarga hanya dilakukan oleh pihak isteri sahaja. Justeru, kajian akan datang disarankan untuk melibatkan suami dan anak bagi mengelakkan kecenderungan penilaian memihak kepada satu pihak sahaja. Selain itu, dicadangkan kepada pengkaji akan datang untuk menjalankan kajian jangka panjang bagi menilai sejauh mana pengalaman, persepsi, interaksi dan penyesuaian ahli keluarga terhadap persekitaran yang mencabar berubah dari masa ke masa. Ini kerana, faktor tersebut boleh mempengaruhi kualiti perkahwinan, keutuhan keluarga dan pencapaian anak.

Kesimpulannya, kajian ini mendapati kebanyakan responden mempunyai tahap kekuatan keluarga dan kualiti perkahwinan yang sederhana. Kompetensi sosial dan estim diri anak juga didapati berada pada tahap yang sederhana. Ibu bapa yang bahagia dengan perkahwinan mereka mampu meningkatkan tahap kompetensi anak mereka.

Rujukan

- [1] Acs, Gregory. "Can We Promote Child Well-Being by Promoting Marriage?." *Journal of Marriage and Family* 69, no. 5 (2007): 1326-1344.
- [2] Brody, Gene H., Douglas L. Flor, and Nicole Morgan Gibson. "Linking maternal efficacy beliefs, developmental goals, parenting practices, and child competence in rural single-parent African American families." *Child development* 70, no. 5 (1999): 1197-1208.
- [3] Corrigan, A. "Social competence scale – parent version, grade 1/year 2". (2002). Dimuat turun dari Fast Track Project Web site: <http://www.fasttrackproject.org>.
- [4] Coopersmith, S. *SEI (Self-Esteem Inventories Manual)*. CA: Mind Garden, 2002.
- [5] Camisasca, Elena, Sarah Miragoli, and Paola Di Blasio. "Families with distinct levels of marital conflict and child adjustment: Which role for maternal and paternal stress?." *Journal of Child and Family Studies* 25, no. 3 (2016): 733-745.
- [6] Dennis, Tracy A., Laurie Miller Brotman, Keng-Yen Huang, and Kathleen Kiely Gouley. "Effortful control, social competence, and adjustment problems in children at risk for psychopathology." *Journal of Clinical Child and Adolescent Psychology* 36, no. 3 (2007): 442-454.
- [7] Feldman, S. Shirley, Kathryn R. Wentzel, Daniel A. Weinberger, and Jeffrey A. Munson. "Marital satisfaction of parents of preadolescent boys and its relationship to family and child functioning." *Journal of Family Psychology* 4, no. 2 (1990): 213.
- [8] Garmezy, Norman. "Resiliency and vulnerability to adverse developmental outcomes associated with poverty." *American behavioral scientist* 34, no. 4 (1991): 416-430.
- [9] Geggie, Judi, John DeFarin, Sharon Hitchcock, and Simone Silberberg. "Family strengths research project." (2000) Dimuat turun dari from University of Newcastle, Australia, The Family Action Centre Web site: <http://www.newcastle.edu.au/centre/fac/conferences/Family%20Strengths%20Research%20Report.pdf>
- [10] Glenn, Norval D. "The course of marital success and failure in five American 10-year marriage cohorts." *Journal of Marriage and the Family* (1998): 569-576.
- [11] Hart, Craig H., Susanne Frost Olsen, Clyde C. Robinson, and Barbara L. Mandelco. "The development of social and communicative competence in childhood: Review and a model of personal, familial, and extrafamilial processes." *Annals of the International Communication Association* 20, no. 1 (1997): 305-373.
- [12] Jaycox, Lisa H., and Rena L. Repetti. "Conflict in families and the psychological adjustment of preadolescent children." *Journal of Family Psychology* 7, no. 3 (1993): 344.

- [13] Koblinsky, Sally A., Katherine A. Kovalanka, and Suzanne M. Randolph. "Social skills and behavior problems of urban, African American preschoolers: role of parenting practices, family conflict, and maternal depression." *American Journal of Orthopsychiatry* 76, no. 4 (2006): 554.
- [14] Larson, Jeffrey H., and Thomas B. Holman. "Premarital predictors of marital quality and stability." *Family Relations* (1994): 228-237.
- [15] McCoy, Kathleen P., Melissa RW George, E. Mark Cummings, and Patrick T. Davies. "Constructive and destructive marital conflict, parenting, and children's school and social adjustment." *Social Development* 22, no. 4 (2013): 641-662.
- [16] Mendez, Julia L., Paul McDermott, and John Fantuzzo. "Identifying and promoting social competence with African American preschool children: Developmental and contextual considerations." *Psychology in the Schools* 39, no. 1 (2002): 111-123.
- [17] Moore, Kristin Anderson, Rosemary Chalk, Juliet Scarpa, and Sharon Vandivere. "Family Strengths: Often Overlooked, but Real. Child Trends Research Brief." (2002).
- [18] Olson, David H., and John DeFrain. *Marriage and the family: Diversity and strengths*. Mayfield Publishing Co, 2000.
- [19] Parker, Jennifer S., and Mark J. Benson. "Parent-adolescent relations and adolescent functioning: Self-esteem, substance abuse, and delinquency." *Adolescence* 39, no. 155 (2004): 519.
- [20] Morris, Rosenberg. "Society and the adolescent self-image." (1965).
- [21] Rumaya, Juhari. "Marital quality as a function of gender-role egalitarianism among the Malay Muslim student couples in the Midwest region of the USA." *Unpublished doctoral dissertation*. Michigan State University (1997).
- [22] Schumm, Walter R., Lois A. Paff-Bergen, Ruth C. Hatch, Felix C. Obiorah, Janette M. Copeland, Lori D. Meens, and Margaret A. Bugaighis. "Concurrent and discriminant validity of the Kansas Marital Satisfaction Scale." *Journal of Marriage and the Family* (1986): 381-387.
- [23] Shek, Daniel TL. "Parental marital quality and well-being, parent-child relational quality, and Chinese adolescent adjustment." *American Journal of Family Therapy* 28, no. 2 (2000): 147-162.
- [24] Smart, Diana, and Ann Sanson. "Social competence in young adulthood, its nature and antecedents." *Family Matters* 64 (2003): 4.
- [25] Smith, Emilie Phillips, Ronald J. Prinz, Jean E. Dumas, and James Laughlin. "Latent models of family processes in African American families: Relationships to child competence, achievement, and problem behavior." *Journal of Marriage and Family* 63, no. 4 (2001): 967-980.
- [26] Stinnett, N. "Strengthening families". *Family Perspective* 13, no.1 (1979): 3-9.
- [27] Zarinah Arshat, and Nafesa Ismail "Effects of family relationships on adolescents self-control and self-efficacy." *International Journal of Humanities and Social Science Invention* 6, no.10 (2017): 2319-7722.
- [28] Zarinah, A., B. Rozumah, S. E. Krauss, and J. Rumaya. "Exploring associations between family background and child outcomes among high and low-risk poor families from rural Malaysia." *Journal of ARAHE* 13 (2006): 1-9.
- [29] Zarinah Arshat, Rozumah Baharudin, Rumaya Juhari, and Mansor Abu Talib "Tekanan ekonomi, kekuatan keluarga dan harga-kendiri anak." *Jurnal Manusia dan Masyarakat* 1, (2009): 117- 127.
- [30] Arshat, Z., and R. Baharudin. "Correlates of family strength in Malaysia." *European Journal of Social Sciences* 10, no. 1 (2009): 13-24.